

FENERBITAN KATA DALAM BAHASA MALAYSIA
DAN
TATABAHASA DEWAN JILID 2: PERKATAAN
SATU PERBANDINGAN DARIPADA SEGI MORFOLOGI
DAN HUBUNGANNYA DENGAN KBSM

MOHD FAUZI SAPAWI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN PENDIDIKAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1 9 9 4

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Drs. Darwis Harahap Mohamad penyelia kajian ini. Sikap terbuka, dedikasi, pengorbanan, perasaan tanggung jawab dan kesabaran beliau cukup besar sebagai pembimbing merupakan faktor besar terhasilnya kajian ini.

Tidak terlupa juga terima kasih kepada Dr. Alias Muhammad Yatim, Pengerusi Rancangan Bahasa Malaysia, Universiti Sains Malaysia yang sentiasa mendorong dan mengambil berat tentang perkembangan kajian ini.

Terima kasih juga, saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang sanggup menyediakan pembiayaan kajian ini serta Zamzam Khairani, Mohd Nezam Cahdan, Norul Azmi Kasim, Mohd Aminuddin Abd. Kadir, Che Man Mahasan, Abdul Karim Bakar dan rakan lain yang tidak disebutkan namanya di sini.

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. yang telah mengurniakan semua ini.

Mohd Fauzi Sapawi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
Pulau Pinang.

Kepada....

Sekalung ingatan pada iltizam ibu dan abangku,
Saipul Bahrin Sapawi dan adikku. Sekaliannya tetap di dalam
ingatan.

KEPENDEKAN

HFH	->	Hikayat Faridah Hanom
HIA	->	Hikayat Ibrahim Adham
imb.	->	Imbuan
K	->	Kamus Dewan
KBil.	->	Kata Bilangan
KBM	->	Kata Bantu Masa
KBN	->	Kata Bantu Nafi
KBR	->	Kata Bantu Ragam
KD	->	Kata Dasar
KGel.	->	Kata Gelaran
KK	->	Kata Kerja
KKA	->	Kata Keterangan Ayat
KKD	->	Kata Kerja Dasar
KKT	->	Kata Kerja Terbitan
KKW	->	Kata Keterangan Waktu
KN	->	Kata Nama
KNA	->	Kata Nama Arah
KND	->	Kata Nama Dasar
KNT	->	Kata Nama Terbitan
KPA	->	Kata Pangkal Ayat
KPBel.	->	Kata Penguat Belakang
KPBil	->	Kata Penjodoh Bilangan
KPD	->	Kata Penguat Depan

KPen. -> Kata Penegas
KPt. -> Kata Penentu
KS -> Kata Sifat
KSD -> Kata Sifat Dasar
KSN -> Kata Sendi Nama
KST -> Kata Sifat Terbitan
KT -> Kata Terbitan
KTg -> Kata Tugas
MD -> Musa Daia
PGT -> Putera Gunung Tahan
UdAS -> Ummi dan Abang Syeikhul

SARI KAJIAN

PENERBITAN KATA DALAM BAHASA MALAYSIA

DAN

TATABAHASA DEWAN JILID: PERKATAAN

SATU PERBANDINGAN DARIPADA SEGI MORFOLOGI

DAN HUBUNGANNYA DENGAN KBSM

Kajian ini merupakan kajian pembinaan Kata di dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan Pendekatan Eklektik dan menggunakan Kaedah Kepustakaan. Pendekatan yang digunakan ini merupakan gabungan ciri terbaik Pendekatan Struktural dan Pendekatan Transformasi Generatif. Kajian ini menggunakan buku *Penerbitan Kata Dalam Bahasa Malaysia* oleh Abdullah Hassan (1980) dan *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan* oleh Nik safiah Karim et al. (1989) sebagai asas kajian. Sumber data dikutip daripada buku *Hikayat Ibrahim Adham* yang diusahakan oleh Russel Jones (1981), *Hikayat Faridah Hanom* oleh Al-Syed Syeikh Ahmad Al Hadi (1928), *Putera Gunung Tahan* oleh Ishak Hj. Muhammad (1938) dan *Ummi dan Abang Syeikhul* oleh Shahnnon Ahmad (1992).